

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**Y. BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**NAIB CANSELOR, UTeM**

---

**SEMPENA MAJLIS JASAMU DIKENANG**  
**19 Julai 2016 (Selasa), 11.00 Pagi**  
**BILIK JAMUAN SENAT**

Bismillahirrahmanirrahim,

**Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

**Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang**

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

## Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Staf dan Pesara yang diraikan, hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka  
754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Pertamanya, sukalah saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan 5 orang yang bakal bersara paksa dan 2 orang pesara pilihan dalam tahun 2016 sehingga April 2017.

2. Majlis ringkas namun penuh erti ini diadakan sebagai tanda penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh dedikasi oleh Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian. Sesungguhnya khidmat bakti Tuan-Tuan dan Puan-Puan selama bertahun-tahun ini tidaklah boleh disamakan nilainya dengan hanya sebuah majlis yang ringkas seperti ini sahaja, namun apa yang penting adalah pengiktirafan dan tanda peringatan UTeM kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang telah bersama-sama menyemai bakti tanpa jemu sehingga Universiti ini mampu berada di aras kecemerlangan yang membanggakan.

3. Saya juga berasa amat gembira dan terharu kerana pada pagi ini tuan-tuan dan puan-puan sekalian sudi meluangkan masa hadir ke majlis ini. Saya percaya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini adalah di atas semangat saudara seUTeM dan ikatan silaturahim yang terbina selama ini. Bak kata pepatah, “tempat jatuh lagikan dikenang, inikan pula tempat kita berbakti dan mencari rezeki”.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

4. Saya dimaklumkan ada di kalangan Tuan-tuan dan Puan-puan yang telah pun berkhidmat dalam sektor kerajaan melebihi 35 tahun.
- a. En Hassan Adnan telah berkhidmat dalam sektor kerajaan selama 38 tahun manakala bersama UTeM selama 13 tahun,

- b. Bagi Encik Din pula, beliau telah bersama UTeM sejak dari awal penubuhan dan berkhidmat bersama kerajaan selama 34 tahun,
  - c. Manakala Puan Edna dan En Ramasamy telah menyertai UTeM sejak tahun 2004 lagi dan masing-masing telah berkhidmat dalam sektor kerajaan selama 34 tahun dan 22 tahun.
- 5. Tidak dilupakan kepada Dr. Kalthom yang telah menjadi keluarga UTeM sejak Jun 2001 dan keseluruhannya telah berkhidmat selama 34 tahun dalam kerajaan dan En Ishak yang telah berkhidmat selama 30 tahun dalam kerajaan dan 13 tahun di UTeM.

6. Dalam tempoh yang panjang ini, pastinya Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian telah melalui pelbagai ranjau, suka dan duka dalam Perkhidmatan Awam khususnya di UTeM. Bukan sahaja telah merasai waktu-waktu manis kejayaan dan kecemerlangan malah juga masa-masa pahit maung kegagalan mahu pun kekecewaan. Saya yakin, sebenarnya terlalu banyak pengalaman serta pengetahuan yang telah Tuan-tuan dan Puan-puan timba dan kecapi selama ini yang boleh serta patut dijadikan tauladan dan sempadan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang ini

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. Pada kesempatan ini juga saya dan seluruh warga UTeM, sekali lagi, mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan Tuan-tuan dan Puan-puan kepada UTeM sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan UTeM hari ini dan menjadi contoh kepada warga UTeM yang masih berkhidmat.
8. Saya juga mendoakan Tuan-tuan dan Puan-puan dikurniakan kesihatan yang baik, rezeki yang murah, umur yang panjang dan kehidupan yang diberkati oleh Allah SWT.

Akar Keladi Melilit Selasih,  
Selasih Tumbuh Di Hujung Taman;  
Kalungan Budi Junjungan Kasih,  
Mesra Kenangan Sepanjang Zaman.

Di Dalam Puan Si Bunga Raya,  
Bersama Selasih Dibawa Ke Pekan;  
Jasa Tuan Puan Besar Maknanya,  
Setinggi Penghargaan UTeM Ucapkan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum wbkth.